

**SEJARAH KONFLIK ISRAEL-PALESTIN (1948-
2021)**



JERENY DOLLA ANAK PILUT

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH KONFLIK ISRAEL-PALESTIN (1948-
2021)**

JERENY DOLLA ANAK PILUT

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

PENGESAHAN

JUDUL : **SEJARAH KONFLIK ISRAEL-PALESTIN (1948-2021)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **JERENY DOLLA ANAK PILUT** sesi **2019-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahagian pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

TERHAD

/

TIDAK
TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



JERENY DOLLA ANAK PILUT
BA19110708



PRAYITNO JOKO
Pensyarah Program Sejarah
Kemanusiaan, Seni dan War
Universiti Malaysia Sabah

(ENCIK EKO PRAYITNO JOKO)
PENYELIA

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Konflik Israel-Palestin (1948-2021) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



JERENY DOLLA ANAK
PILUT
BA19110708



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kerana dapat menyempurnakan tugas latihan ilmiah pada tahun akhir ini pada masa yang telah ditetapkan. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana telah memberikan kesihatan yang sempurna sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Selain itu, saya juga bersyukur kerana segala masalah dan kekangan dalam menyiapkan tugas ini telah berjaya di atasi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Encik Eko Prayitno Joko selaku penyelia yang telah banyak meluangkan masa beliau dalam memberikan tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyiapkan kajian ini. Jasa beliau tidak terkira kerana saya percaya bahawa latihan ilmiah ini tidak akan dapat disiapkan tanpa bimbingan beliau. Selain itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada keluarga saya khasnya Pilut Anak Jugah (bapa) dan Bonepes Anak Pilut (abang) yang tidak putus-putus memberikan kata-kata semangat, dorongan dan sokongan kewangan kepada saya untuk menyiapkan tugas ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga diucapkan kepada rakan seperjuangan di UMS iaitu Roina Sergio Etable, Eva Eydlintina Binti Johnny, Ellibiana Anak Engkabang, Octvia Remyas Anak Iju, Mohamad Aqil Aziz Bin Tuah, Healvader Septraise Anak Rayang dan juga rakan-rakan yang lain khususnya dalam Program Sejarah. Saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang telah membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Semoga tugas yang saya hasilkan dapat memberikan manfaat kepada pihak yang memerlukannya.

Jereny Dolla Anak Pilut
12 Ogos 2022



ABSTRAK

Konflik Israel-Palestin merupakan konflik berpanjangan yang masih belum lagi dapat diselesaikan. Konflik ini secara dasarnya adalah pertikaian di antara dua pihak iaitu Arab dan Israel mengenai tuntutan tanah yang sama iaitu Palestin. Banyak percubaan telah dibuat bagi mencipta sebuah "penyelesaian dua negara" namun terdapat percanggahan di antara dua pihak berkenaan dengan penyelesaian yang telah dikemukakan. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneliti sejarah konflik di antara Israel-Palestin bermula dari tahun 1948 sehingga 2021, faktor-faktor pencetus kepada konflik Israel-Palestin serta kesan-kesan selepas tercetusnya konflik Israel-Palestin. Kajian ini telah dijalankan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan atas talian bagi mencari maklumat berkenaan dengan konflik ini merangkumi sejarah, faktor dan kesan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa sejarah konflik antara dua pihak ini menonjolkan faktor sistemik yang didorong oleh percaturan politik Barat. Seterusnya, ianya juga disebabkan oleh faktor domestik seperti faktor sejarah, agenda Zionis dan perbezaan budaya politik. Kesannya, konflik ini telah menampakkan kesan negatif terhadap aspek sosial seperti kekangan menjalankan kegiatan keagamaan, kemusnahan institusi pendidikan, kecenderungan terhadap ektrimisme dan hakisan budaya manakala kesan aspek politik pula menonjolkan kuasa-kuasa veto yang dimiliki oleh PBB.

Kata Kunci: *Konflik, Zionis, Israel-Palestin.*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

HISTORY OF ISRAEL-PALESTINE CONFLICT (1948-2021)

The Israeli-Palestinian conflict is an endless conflict that has yet to be resolved. This conflict is basically a dispute between two parties, the Arabs and Israel, regarding the claim of the same land, which is Palestine. Many attempts have been made to create a "two-state solution" but there are disagreements between the two sides regarding the proposed solution. The purpose of this study is to examine the history of the Israeli-Palestinian conflict starting from 1948 until 2021, the triggering factors for the Israeli-Palestinian conflict as well as the effects after the Israeli-Palestinian conflict. This study has been conducted using library methods and online references to find information regarding this conflict including history, factors and effects. Overall, this study shows that the history of the conflict between these two parties shows systemic factors driven by Western political tactics. Next, it is also caused by domestic factors such as historical factors, the Zionist agenda and differences in political culture. As a result, this conflict has shown negative effects on social aspects such as restrictions on religious activities, the destruction of educational institutions, tendencies towards extremism and cultural erosion, while the effects of the political aspect highlight the veto powers held by the UN.

Keywords: Conflict, Zionist, Israeli-Palestine.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGAJUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI FOTO	ix
SENARAI PETA	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Kepentingan Kajian	3-4
1.5 Skop Kajian	4-5
1.6 Sorotan Literatur	5-11
1.7 Metodologi Kajian	11
1.8 Pembahagian Bab	11-13
1.9 Kesimpulan	13
BAB 2: SEJARAH KONFLIK ISRAEL-PALESTIN	
2.1 Pengenalan	14-15
2.2 Sejarah Awal Kemunculan Negara Israel	15-18
2.3 Konflik Arab dan Israel 1948-2021	18-28
2.4 Konflik Israel dan Palestin 2021	29-32
2.5 Kesimpulan	33
BAB 3: FAKTOR PENCETUS KONFLIK ISRAEL-PALESTIN	
3.1 Pengenalan	34-35
3.2 Faktor Pencetus Konflik Israel-Palestin	35-36
3.2.1 Faktor Sistemik	36
a. Percaturan Politik Barat	36-40
3.2.2 Faktor Domestik	40
a. Faktor Sejarah	40-46
b. Agenda Zionis	46-48
c. Perbezaan Budaya Politik	49-52
3.3 Kesimpulan	52-53

BAB 4 :	KESAN KONFLIK ISRAEL-PALESTIN	
4.1	Pengenalan	54
4.2	Kesan Konflik Israel-Palestin	55
	4.2.1 Kesan Sosial	55-56
	a. Kekangan terhadap Kegiatan Keagamaan	56-57
	b. Kemusnahan Institusi Pendidikan	57-58
	c. Kecenderungan terhadap Ekstrimisme	59-60
	d. Hakisan Budaya	60-61
	4.2.2 Kesan Politik	61-63
4.3	Kesimpulan	64
BAB 5:	RUMUSAN	64-69
RUJUKAN		70-75
LAMPIRAN		76



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

FOTO		HALAMAN
3.1	Tempat Penyaliban Nabi Isa AS yang terletak di Bukit Golgota	41
3.2	Tembok Ratapan	43
3.3	Kompleks Masjid Al-Aqsa dan Tembok Ratapan	44



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

PETA		HALAMAN
2.1	<i>United Nations Partition Plan, 1947</i>	19
2.2	Ilustrasi Serangan di Terusan Suez	22
2.3	Ilustrasi Wilayah yang berjaya Ditawan oleh Israel	24
3.1	Palestin di bawah Mandat British	37



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

PBB	Pertubuhan Bangsa Bersatu
UN	<i>United Nation</i>
UNEF	<i>United Nation Emergency Force</i>
UNSCOP	<i>United Nation Special Comitee On Palestine</i>
IHL	<i>Internatonal Human Law</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran : Laporan Turnitin



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Istilah konflik merujuk kepada perbezaan pemahaman yang berlaku di antara dua pihak atau lebih terhadap sesebuah isu, perselisihan atau ketegangan.¹ Konflik yang berlaku ini hanya melibatkan pihak yang tidak sefahaman sahaja.² Konflik juga boleh didefinisikan sebagai sebuah impak di mana dua pihak atau lebih mempunyai keinginan yang berbeza.³ Dalam konteks ini, sesebuah pihak dilihat sebagai penghalang yang menimbulkan kesukaran dalam mencapai keinginan dan objektif masing-masing. Merujuk kepada konflik tidak berpenghujung yang berlaku di antara Israel dan Palestin, konflik ini telah mendapat perhatian warga dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana, konflik yang melibatkan dua pihak ini sudah berlaku sejak berkurun lamanya. Meskipun begitu, konflik ini masih lagi tidak mencapai kata akhir di mana proses perdamaian masih lagi belum dapat menyelesaikan konflik ini.

Dalam menelusuri konflik ini, ianya telah bermula sejak kemasukan orang Yahudi ke Palestin sekitar abad ke 19. Secara amnya, Israel merupakan sebuah negara yang terbentuk di atas tanah Palestin. Hal ini telah menyebabkan timbulnya pertikaian di antara dua pihak tersebut dalam perihal perebutan tanah. Terdapat pelbagai kritikan atau pandangan tentang bagaimana konflik di antara dua pihak ini boleh berlaku. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini ianya akan menelusuri berkenaan dengan sejarah berlakunya konflik ini dengan turut serta mengemukakan faktor dan kesan yang melibatkan dua pihak ini.

¹ Andri Wahyudi, Konflik, Konsep Teori dan Permasalahan, *Jurnal Publicana*, Vol 8 (1), Indonesia: Universitas Tulungagung, 2015, hlm 1.

² *Ibid.*,

³ *Ibid.*, hlm 3.

1.2 Permasalahan Kajian

Konflik di antara Israel dan Palestin ini merupakan konflik yang sememangnya sudah berlaku sejak berkurun lamanya. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat beberapa siri peperangan telah berlaku sebelum ini. Antara siri peperangan tersebut dikenali sebagai gerakan Intifada pertama dan kedua. Hal ini telah menyebabkan ramai yang keliru dengan garis masa atau kronologi berlakunya konflik masa kini iaitu pada tahun 2021. Dalam menelusuri konflik ini, ianya harus diteliti berdasarkan garis masa yang bersesuaian untuk memahami setiap perkara yang berlaku misalnya merujuk kepada tarikh.

Secara tidak langsung, kekeliruan ini akan menyebabkan ketidakfahaman berkenaan dengan faktor-faktor yang menjadi pencetus kepada konflik ini. Ketidakfahaman berkenaan dengan kronologi serta faktor yang mencetuskan konflik di antara dua pihak ini boleh menimbulkan pelbagai pandangan serta anggapan berdasarkan perspektif sudut pandangan masing-masing. Bukan itu sahaja, kesan daripada tercetusnya konflik ini harus dihuraikan terutamanya dalam aspek politik dan sosial. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini faktor pencetus dan kesan akan difokuskan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat umum.

Dalam kajian ini, timbul beberapa persoalan berkenaan dengan konflik ini. Persoalan utama ialah bagaimanakah susur galur sejarah konflik di antara Israel dan Palestin ini tercetus pada tahun 1948 berlanjutan sehingga 2021? Persoalan yang seterusnya pula ialah, apakah faktor-faktor pencetus konflik di antara Israel dan Palestin ini? Selanjutnya bagi persoalan yang ketiga pula ialah apakah kesan-kesan yang timbul selepas tercetusnya konflik di antara Israel dan Palestin? Ketiga-ketiga pers ini? Persoalan ini sangat penting dalam menjawab permasalahan yang timbul dalam kajian ini.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menjelaskan konflik di antara Israel dan Palestin yang berlaku berlanjutan dari tahun 1948. Konflik yang berlaku ini akan dijelaskan melalui tiga objektif utama.

Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Bagi objektif yang pertama ialah dengan meneliti sejarah berkenaan dengan konflik Israel dan Palestin dari tahun 1948 sehingga 2021. Objektif yang pertama ini akan memaparkan siri peperangan yang pernah berlaku sehingga mendorong kepada berlakunya ketegangan di antara Israel dan Palestin pada tahun 2021.

Seterusnya bagi objektif yang kedua pula ialah meneliti faktor-faktor yang mencetuskan konflik Israel dan Palestin pada tahun dari tahun 1948 sehingga 2021. Faktor akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu faktor sistemik dan faktor domestik. Faktor ini sangat penting untuk dikenalpasti bagi menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku di antara dua pihak ini.

Objektif yang ketiga pula ialah mengenalpasti kesan-kesan yang timbul selepas tercetusnya konflik di antara Israel dan Palestin dari tahun 1948 sehingga 2021 merangkumi kesan sosial dan politik.

1.4 Kepentingan Kajian

Setiap kajian sudah pasti mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Berdasarkan kajian ini, ianya dapat menyumbang kepada beberapa kepentingan. Kajian ini penting dalam memberi kefahaman kepada masyarakat umum berkenaan dengan sejarah awal tercetusnya konflik di antara Israel dan Palestin. Hal ini dikatakan demikian kerana, masih ramai lagi masyarakat yang kurang memahami atau mengetahui bagaimana konflik ini boleh tercetus sehingga masih berlarutan ke masa kini.

Selanjutnya kajian ini juga sangat penting dalam memberi penilaian berkenaan dengan kesedaran nilai kemanusiaan yang seharusnya dikecapi oleh penduduk Palestin dan Israel yang terkorban dalam peperangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai kemanusiaan tidak dititikberatkan kerana ianya mengorban nyawa penduduk yang tidak berdosa dan lemah misalnya golongan wanita, tua serta kanak-kanak. Konflik ini hanya melibatkan golongan pemerintah yang berebut akan wilayah Palestin dan secara tidak langsung ianya mengorbankan nyawa penduduk. Tindakan yang ekstrim misalnya pengeboman kawasan yang didiami oleh ramai penduduk akan menyebabkan kecederaan serta kematian. Hal ini jelaslah bahawa, kajian ini penting dalam memberikan kesedaran akan nilai hak asasi manusia.

Bukan itu sahaja, kajian ini juga penting dalam meneliti faktor serta kesan yang timbul selepas tercetusnya konflik tersebut. Setiap faktor dan kesan yang dihuraikan dapat dijadikan sebagai panduan dalam memahami konflik ini. Oleh hal yang demikian, ianya boleh dijadikan sebagai bahan bacaan atau rujukan sampingan pengkaji lain untuk kajian yang lebih kurang sama. Penulisan berkenaan dengan konflik Israel dan Palestin ini juga dilihat masih kurang terutamanya dalam konteks peperangan masa kini.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu merujuk kepada skop bidang, skop ruang dan skop masa. Skop bidang bagi kajian ini adalah, kajian ini hanya berfokus kepada bidang politik yang melibatkan Israel dan Palestin. Bidang ini dipilih kerana ianya merupakan aspek yang sangat ketara mengalami perubahan selepas berlakunya konflik di antara dua pihak ini. Politik merupakan aspek utama yang mempengaruhi perspektif dua pihak dalam menangani konflik ini.

Seterusnya, skop ruang bagi kajian ini pula adalah hanya memfokuskan Israel dan Palestin sahaja. Hal ini kerana, konflik ini hanya berlaku di antara dua pihak ini meskipun terdapat pihak luar atau badan-badan berkepentingan turut serta campur tangan dalam menyelesaikan konflik yang tidak berkesudahan ini.

Selanjutnya skop masa bagi konflik ini adalah dari tahun 1948 sehingga 2021. Skop masa ini dipilih kerana ianya merupakan kemuncak berlakunya konflik di antara Israel dan Palestin ini. Oleh hal yang demikian, tahun ini dapat membantu dalam memfokuskan lagi perkara yang berlaku secara terperinci.

1.6 Sorotan Literatur

Bahagian sorotan literatur ini akan menerangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas yang berkait rapat dengan konflik Israel dan Palestin berdasarkan isu peperangan terdahulu. Pengkaji telah membahagikan sorotan literatur ini kepada tiga tema utama mengikut objektif kajian.

1.6.1 Tema 1: Sejarah Awal Konflik Israel-Palestin

Neil Caplan dalam bukunya menyatakan bahawa konflik di antara Israel dan Palestin ini belum lagi dapat diselesaikan.⁴ Konflik di antara dua pihak ini masih lagi berlangsung kerana belum mencapai kesepakatan dan proses damai. Penulis mengemukakan bahawa konflik ini berlaku kerana orang Yahudi menjadikan Palestin sebagai *National Home* yang dipanggil sebagai *Eretz-Israel*.⁵ Secara tidak langsung, perkara ini telah menyebabkan rakyat Palestin berasa tidak puas hati kerana orang Yahudi tidak mempunyai hak ke atas tanah Palestin. Berawal dari Pertubuhan Zionis ini, kenyataan 'tanah yang dijanjikan' telah menjadi dorongan utama dalam mendapatkan Palestin. Hal ini dikatakan demikian kerana, Palestin merupakan tanah suci bagi agama Islam, Kristian dan Yahudi. Oleh hal yang demikian, kekalahan kerajaan Uthmaniyyah telah menyebabkan Palestin berada dalam cengkaman British. Faktor-faktor lain terutamanya konflik yang melibatkan konflik masa kini haruslah diteliti.

⁴ Neil Caplan. 2019. *The Israel-Palestine Conflict: Contested Histories*. United State of America: John Wiley & Sons.

⁵ *Ibid.*, Hlm 21.

Konflik Israel dan Palestin ini telah diulas oleh Simela Victor dalam penulisan yang bertajuk Konflik Terbuka Palestin-Israel dan Pentingnya Menghidupkan Kembali Perundingan Damai. Penulisan ini secara amnya membahas berkenaan dengan konflik yang berlaku pada tahun 2021 dengan menyentuh berkenaan dengan tarikh-tarikh penting semasa berlakunya serangan balas di antara dua pihak ini. Penulis juga mengutarakan penyebab berlakunya konflik ini ekoran penindasan dan provokasi Israel terhadap rakyat Palestin.⁶ Provokasi yang melibatkan pengusiran terhadap rakyat Palestin ini adalah bertujuan untuk meluaskan petempatan Yahudi meskipun perkara tersebut melanggar hukum antarabangsa. Hal ini telah menyebabkan konflik berpanjangan di antara Israel dan Palestin sehingga menyebabkan ramai rakyat terkorban. Usaha dalam menghidupkan perdamaian juga sedang diusahakan melalui persidangan yang telah diadakan tidak ketinggalan juga sokongan negara luar terhadap isu ini.

Mohd Roslan dan Siti Zaleha merumuskan bahawa Perjanjian Perdamaian iaitu Perjanjian Oslo mempunyai agendanya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, perjanjian ini sangat jelas menonjolkan tindakan tersembunyi Amerika Syarikat dan Israel yang ingin menguasai tanah Palestin.⁷ Berdasarkan rundingan tersebut, Israel telah menunda beberapa kali Perjanjian Oslo. Kemunculan Israel telah menyebabkan ketidakseimbangan politik dan kuasa ekoran kejayaan Israel dalam peperangan di antara Arab-Israel 1948. Tindakan PBB yang memberi kelulusan serta menerima cadangan *United Nations Special Committee on Palestine* dalam perihal pembahagian wilayah sebanyak 55% kepada penduduk Yahudi. Penyertaan Israel dalam PBB telah menonjolkan lagi sokongan PBB terhadap negara Israel melalui Resolusi yang telah diadakan. Peperangan enam hari yang berlangsung antara Arab dan Israel telah memberikan kesan yang mendalam apabila Israel telah berjaya menawan Sinai, semenanjung Gaza, dataran tinggi Golan, tebing Barat dan

⁶ Simela Victor Muhamad. 2021. Konflik Terbuka Palestin-Israel dan Pentingnya Menghidupkan Kembali Perundingan Damai. *Jurnal Info Singkat*. Vol XIII (10): 7-12.

⁷ Mohd Roslan Mohd Nor & Siti Zaleha Hamzah. 2015. Perjanjian Oslo: Kajian Terhadap Proses Damai Konflik Arab-Israel. *Journal of Al-Tamaddun*. Vol 10 (1): 51-69.

Jerusalem. Hal ini telah menimbulkan pelbagai siri kebangkitan yang dikenali sebagai Intifada yang merujuk kepada reaksi rakyat Palestin yang tidak bersetuju dengan tindakan Israel.

Selanjutnya adalah penulisan Aos Yuli dan Yanyan Mochamad dalam penulisan yang bertajuk Faktor Penghambat Perdamaian Konflik Palestina-Israel merumuskan bahawa Israel merupakan hasil perjuangan kelompok Zionisme. Israel ini telah memproklamasikan kemerdekaannya pada 14 Mei 1948 sehari sebelum Inggeris menyerahkan mandatnya kepada PBB.⁸ Kemunculan Israel di Palestin ini masih lagi menjadi kontroversi sehingga masa kini kerana mencetuskan konflik di antara Israel dan Palestin. Ideologi Zionisme ini adalah penggerak utama dalam mendapatkan wilayah di Palestin untuk menempatkan orang-orang Yahudi yang *diaspora*. Berdirinya negara Israel ini adalah disokong oleh Amerika Syarikat dan kedudukan Palestin semakin melemah ekoran kelemahan peranan bangsa-bangsa Arab. Penulis juga mengemukakan beberapa usaha dalam penyelesaian masalah yang berlaku di antara dua pihak ini. Antara usaha tersebut adalah dengan membuat perjanjian iaitu Perjanjian Camp David 1978 yang kemudiannya menjurus kepada perundingan Oslo. Bukan itu sahaja, pelbagai Forum telah diadakan dalam membincangkan penyelesaian terhadap konflik yang berlaku. Kegagalan dalam mencapai kata sepakat adalah disebabkan oleh tindakan Amerika Syarikat dan Israel itu sendiri.

1.6.2 Tema 2: Faktor-Faktor Tercetusnya Konflik Arab-Israel dan Israel-Palestin

Berdasarkan penulisan Misri A. Muchsin dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapat persaingan di antara Muslim-Palestin terhadap Yahudi-Israel.⁹ Dalam

⁸ Aos Yuli Firdaus & Yanyan Mochamad Yani. 2020. Faktor Penghambat Perdamaian Konflik Palestina-Israel. *Jurnal Populis: Sosial dan Humaniora*. Vol 5 (1): 104-110.

⁹ Misri A. Muchsin. 2015. Palestina dan Israel: Sejarah, Konflik dan Masa Depan. *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*. Vol 39 (2): 390-406.

penulisan ini, penulis mengemukakan bahawa Muslim- Palestin telah berusaha untuk memperjuangkan hak mereka mempertahankan tanah air daripada terus diceroboh oleh orang Yahudi. Penulis juga menyatakan secara terperinci berkenaan dengan sejarah Bani Israel dengan merujuk kepada pemimpin-pemimpin terdahulu misalnya Syaul, Dawud as. dan Sulaiman as. Kemudiannya, ketika pemerintahan Sulaiman as. Ianya telah terbahagai kepada dua bahagian iaitu Kerajaan Judah di bahagian Selatan dengan menjadikan Jerusalem sebagai ibu kota. Di bahagian yang lain pula, merujuk kepada bahagian Utara ianya dinamakan sebagai Israel dengan menjadikan Syakim, Terzah dan Samirah sebagai ibu kota. Faktor berdirinya negara Isarel ini adalah berawal dari bedirinya *World Zionist Organization* sekitar tahun 1879.¹⁰ Penulis turut mengeaskan bahawa organisasi inilah yang menjadikan pertapakan Yahudi di Palestin sebagai agenda utama mereka. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa pertapakan Yahudi di Palestin ini merupakan faktor utama bermulanya konflik di antara Isarel dan Palestin. Namun begitu, dalam kajian ini, ianya hanya menegaskan berkenaan dengan faktor-faktor permulaan konflik sahaja. Oleh itu, dalam kajian ini, ianya akan memfokuskan faktor pencetus kepada konflik Israel dan Palestin dalam konteks masa kini.

Selanjutnya adalah penulisan Emilia dan M. Fakhruddin merumuskan bahawa permulaan konflik di antara Israel dan Palestin ini adalah berpunca daripada Deklarasi Balfour. Dalam penulisan ini, penulis mengemukakan bahawa konflik manusia tidak dapat mengelak dari konflik dan konflik ini biasanya berlaku disebabkan oleh timbulnya kepentingan di salah satu pihak.¹¹ Secara umumnya, dalam penulisan ini penulis telah menghuraikan secara terperinci berkenaan dengan sejarah pemilikan Palestin yang berawal dari zaman Turki Uthmaniyyah. Bukan itu sahaja, pembahasan berkenaan dengan pembentukan negara Israel juga dihuraikan dengan mengungkit berkenaan dengan Deklarasi Balfour.¹² Pelaksanaan Deklarasi Balfour ini adalah

¹⁰ Misri A. Muchsin, *Op.cit.*, hlm 399.

¹¹ Emilia Palupi Nurjannah & M. Fakhruddin. 2019. Deklarasi Balfour: Awal Mula Konflik Israel Palestina, *Jurnal Periode: Jurnal Sejarah dan Pendidikan Sejarah*, Vol 1 (1): 15-26.

¹² *Ibid.*, hlm 21-22.

bertujuan untuk menempatkan orang Yahudi di Palestin dengan menjadikannya sebagai *National Home*. Hal ini ditambahkan lagi dengan gerakan Zionis yang mendorong perpindahan Yahudi ke Palestin. Deklarasi ini Namun begitu, kajian ini hanya berfokus kepada penempatan orang Yahudi di Palestin selepas adanya Deklarasi Balfour. Oleh itu, dalam kajian ini faktor-faktor lain yang mencetuskan konflik Israel dan Palestin ini akan dibahas.

Firdaus Sutan, et.al dalam penulisan mereka yang bertajuk Yaseer Arafat dan Konflik Palestina-Israel merumuskan bahawa konflik yang berlaku ini belum lagi menunjukkan hasil yang positif terhadap proses perdamaian.¹³ Dengan mengulas berkenaan dengan pertapakan Israel di tanah Palestin, penulis mengemukakan bahawa perkara tersebut telah menjadi punca utama konflik ini berlaku. Gerakan Zionisme yang dipelopori oleh Theodor Herzl ini adalah organisasi yang bersifat *extreme*, politik serta rasional ke arah Yahudi yang bersatu. Oleh hal yang demikian, kesucian tanah Palestin yang dianggap sebagai tanah yang dijanjikan telah menyebabkan Zionis ini menguasai wilayah tersebut. Hal ini telah menjadikan Palestin kehilangan wilayah sedikit demi sedikit sehingga menjadikan Palestin adalah sebahagian dari wilayah Israel. Dengan adanya sokongan PBB terhadap pemberian *National Home* kepada orang Yahudi ini telah menyebabkan Israel diproklamasikan sebagai sebuah wilayah yang merdeka. Oleh hal yang demikian, pelbagai pihak terutamanya negara Arab dan Palestin sendiri tidak menyetujui akan penubuhan negara baru ini di tanah Palestin. Hal ini menunjukkan bahawa perebutan tanah ini telah menyebabkan perbalahan di antara dua pihak ini.

1.6.3 Tema 3: Kesan-Kesan yang Timbul Selepas Berlakunya Konflik Israel-Palestin

Seterusnya ialah penulisan Armando Christofel Wirajaya yang membuat penulisan berkenaan dengan penyelesaian konflik di antara Israel dan Palestin berdasarkan

¹³ Firdaus Sutan, Et.al. 2020. Yaseer Arafat dan Konflik Palestina-Israel. *Khazanah: Jurnal Sejarah dan Kebudayaan Islam*. Vol 10 (10): 1-12.

badan antarabangsa iaitu peranan PBB. Konflik terdahulu di antara Israel dan Palestin ini telah menyebabkan PBB mengeluarkan Resolusi berkenaan dengan pemisahan tanah di antara Israel dan Palestin.¹⁴ Berdasarkan Resolusi yang telah dikeluarkan ini, ianya telah memperlihatkan hasil yang berat sebelah di mana Israel mendapat 55% dan selebihnya dibahagikan kepada Palestin.¹⁵ Tindakan yang dikeluarkan oleh PBB ini adalah sejajar dengan peranannya bagi melindungi hak manusia dari bahaya misalnya ancaman perang dan memelihara kedamaian dunia. PBB juga telah sedaya upaya untuk menyelesaikan konflik ini dengan mengemukakan beberapa langkah yang harus diikuti oleh negara anggota atau negara yang terlibat dalam perselisihan konflik. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini ianya akan memperlihatkan kesan selepas tercetusnya konflik di antara Israel dan Palestin dengan menghuraikan tindakan yang dilakukan oleh PBB.

Mahlil Idatul dan Abdul Fadhil pula dalam penulisannya merumuskan bahawa Gerakan Intifadah ini adalah berbentuk gerakan kerakyatan.¹⁶ Gerakan ini muncul ekoran penindasan yang telah dilakukan oleh Israel terhadap rakyat di Palestin. Berdasarkan gerakan ini, terdapat dua siri Gerakan Intifadah yang pernah berlaku di antara Israel dan Palestin. Antaranya adalah Intifadah Pertama yang memperlihatkan rakyat Palestin hanya menggunakan batu sebagai senjata utama melawan tentera Israel. Intifadah kedua pula berlaku selepas tindakan Ariel Sharon membuat provokasi sehingga menimbulkan kemarahan rakyat Palestin dan telah ditentang oleh Gerakan Hamas. Intifadah pertama berakhir dengan termaterainya Perjanjian Oslo namun ianya telah dilanggar oleh Israel. Penulisan ini juga memperlihatkan perjuangan rakyat Palestin melalui organisasi yang dikenali sebagai HAMAS (*Harakat Al-Muqawwamat Al-Islamiyah*). Pembentukan organisasi ini terdorong oleh

¹⁴ Amando Christofel Wirajaya. 2020. Penyelesaian Sengketa Palestina dan Israel Menurut Hukum Internasional (Study Kasus Perampasan Wilayah Palestina di Israel. *Journal Lex Et Societatis*. Vol VII (4): 45-52.

¹⁵ *Ibid.*, hlm 51

¹⁶ Mahlil Idatul Khumairoh & Abdul Fadhil. 2019. Gerakan Intifadah dan Kemunculan Hamas (1987-1993), *Jurnal Periode: Jurnal Sejarah dan Pendidikan Sejarah*, Vol 1 (1): 1-14.

penolakan rakyat Palestin terhadap Israel.¹⁷ Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini reaksi-reaksi organisasi serta badan tertentu akan turut dihuraikan.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini akan disempurnakan menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada sumber primer dan sekunder. Pemilihan kaedah ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengkaji menjalankan kajian agar ianya lebih sistematik. Kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan juga rujukan secara atas talian. Bagi kaedah kepustakaan, pengkaji akan mencari bahan bacaan di perpustakaan untuk dijadikan sebagai rujukan umum.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah rujukan secara atas talian untuk mencari sumber sekunder dengan merujuk kepada platform laman web rasmi, artikel jurnal, *ebook* dan sebagainya. Penggunaan sumber sekunder ini sangat penting untuk dijadikan sebagai rujukan melalui penulisan serta kajian penulis terdahulu.

Seterusnya, pengkaji akan menganalisis data yang telah dikumpul dengan menggunakan pendekatan analisis berdasarkan sumber-sumber yang digunakan. Pendekatan analisis kritikal akan digunakan dalam mendedahkan peristiwa penting yang berkaitan dengan kajian ini.

1.8 Pembahagian Bab

Secara keseluruhannya, latihan ilmiah ini akan dibahagian kepada lima bab. Setiap bab tersebut akan memberi tumpuan yang lebih mendalam berkaitan dengan objektif yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, tujuan pembahagian bab ini adalah untuk

¹⁷ *Ibid.*, hlm 11.